

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

TARIKH : 2 APRIL 2015

SOALAN :

YB. Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tentang peluang dan usaha oleh Kementerian terhadap industri pelancongan di luar bandar.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sangat menggalakkan masyarakat luar bandar mengambil peluang dalam industri pelancongan negara. Kementerian ini bertanggungjawab dalam mentransformasikan sektor pelancongan luar bandar di Malaysia terutamanya dalam mewujudkan kerjasama strategik bersama-sama dengan kementerian, agensi dan pihak swasta.

Salah satu program yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan adalah Program Pengalaman Homestay Malaysia yang dibangunkan di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar. Program ini bertujuan untuk melahirkan usahawan pelancongan di kalangan masyarakat desa dan meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar supaya kekayaan daripada industri pelancongan dapat dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat. Sehingga 31 Disember 2014, Kementerian ini telah mendaftarkan sebanyak 17 buah kluster homestay seluruh Malaysia yang terdiri daripada 308 buah kampung dengan penglibatan seramai 3,519 orang pengusaha homestay yang menawarkan sebanyak 4,867 buah bilik untuk pelancong.

Inisiatif *Visit My Kampung* di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dilaksanakan bertujuan mentransformasikan kawasan kampung dan menjadikan keindahan alam semulajadi dan budaya unik masyarakat luar bandar di Malaysia sebagai tarikan dan produk industri pelancongan desa yang mampan. Pada masa yang sama, ia mampu

menambah pendapatan masyarakat di kawasan luar bandar dengan kerjasama sektor swasta dan agensi kerajaan yang lain bagi mempromosikan inisiatif *Visit My Kampung*.

Kementerian ini juga menggalakkan para pengusaha homestay untuk mempelbagaikan sumber pendapatan supaya dapat memperkayakan aktiviti serta pakej homestay melalui Perusahaan Mikro Homestay di mana pengusaha homestay ini juga turut terlibat di dalam perusahaan industri kecil seperti, batik, membuat makanan tradisional dan sebagainya.

Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah memainkan peranan dalam memajukan industri kraf negara yang dapat dijadikan produk pelancongan luar bandar. Kebanyakan perusahaan kraf di Malaysia diusahakan secara mikro dan kecil di seluruh negeri. Sehingga kini, ia menjadi sumber pendapatan kepada usahawan kraf dan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Ia diperoleh menerusi penghasilan dan pembuatan produk daripada pelbagai bidang kraf seperti:-

- 1) tekstil (batik dan tenunan),
- 2) hasil rimba (kayu dan rotan),
- 3) hasil logam (tembaga dan piuter),
- 4) hasil tanah (seramik), dan
- 5) aneka kraf.

Antara program industri kraf luar bandar yang dilaksanakan oleh Kraftangan Malaysia adalah Program Satu Daerah Satu Industri (Produk Kraf).

Sekian, terima kasih.